

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Malaysia bantah tindakan Perancis kenal cukai

MS 2

Industri sawit teroka peluang baharu

MS 3



FAKTA

Peruntukan pembangunan pekebun kecil komoditi: **RM153 juta**



Sawit ■ Getah ■ Koko ■ Lada ■ Sagu

Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyampaikan kupon bantuan kepada pekebun kecil sawit sambil diperhati Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu Anak Numpang. Turut kelihatan Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (kanan); Pengerusi LGM, Dato' Sri Dr Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah (kiri) dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Annamalai (dua dari kanan).

RM153j diperuntuk bantu pekebun kecil komoditi

» **Insentif bukti kerajaan beri keutamaan kepada rakyat tingkat pendapatan isi rumah**

Oleh **Noor Asmawati Abdul Samad** watie@mpob.gov.my

Long Lama

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM153 juta tahun ini bagi membantu pekebun kecil komoditi untuk meningkatkan pengeluaran dan sekali gus pendapatan isi rumah. Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, berkata daripada RM153 juta, RM55 juta adalah untuk tanaman sawit, RM40 juta untuk getah, RM6 juta untuk koko, RM9 juta bagi lada, RM13 juta untuk sagu dan baki RM30 juta digunakan untuk

membina jalan di ladang. "Peruntukan itu membuktikan bahawa kerajaan masih memberi keutamaan kepada rakyat walaupun terpaksa menyusun semula bajet", katanya ketika berucap di majlis perasmian Program Hello Komoditi anjuran kementerian-nya di sini, baru-baru ini. Program Hello Komoditi Long Lama dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu Anak Numpang. Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi; Menteri Muda Kemudahan Awam (Bekalan Elektrik dan Telekomunikasi), Datuk Dr Stephen Rundi Utom; Ahli

Parlimen Baram Anyi Ngau dan ADUN Telang Usan Dennis Ngau; Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; Pengerusi LGM, Dato' Sri Dr Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Annamalai.

1.5 juta hektar luas ladang Datuk Amar Douglas berkata, pada tahun 2015, jumlah pemilikan ladang komoditi oleh pekebun kecil mencecah 1.5 juta hektar. "Ini menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 600,000 orang yang bergantung hidup kepada sektor komoditi sebagai sumber mata pencarian," katanya. Beliau berkata, berdasarkan fakta ini, amat jelas betapa peranan besar pekebun kecil dan usahawan dalam menyumbang kepada pembangunan sektor komoditi negara. Bagi program Hello Komoditi pada kali ini, lebih 2,000 pengunjung terdiri daripada pekebun kecil, belia, usahawan komoditi dan penduduk setempat hadir ke

» **Ini menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 600,000 orang yang bergantung hidup kepada sektor komoditi sebagai sumber mata pencarian**

Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

program berkenaan. Antara agensi yang mengambil bahagian dalam program itu ialah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (MPB), Lembaga Kenaf dan Tembakau (LKTN) dan Institut Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).

Sarawak peneraju pertumbuhan industri sawit negara

Industri sawit di Sarawak telah berkembang dengan pesat, menjadikan negeri tersebut peneraju dalam pertumbuhan industri sawit negara. Tahun 2015 menyaksikan pengeluaran minyak sawit mentah di Sarawak tumbuh pada kadar 7.6% kepada 3.70 juta tan berbanding 3.44 juta tan pada tahun 2014, iaitu pertumbuhan yang tertinggi berbanding Semenanjung Malaysia dan Sabah. Pertumbuhan membebankan ini antara lain dipengaruhi oleh peningkatan pengeluaran buah tandan segar (BTS) akibat pertambahan kawasan tanaman matang yang baharu mengeluarkan hasil.

Eksport sawit pada tahun 2015 merekodkan peningkatan dan mengatasi prestasi eksport sawit nasional yang bertumbuh pada kadar 1.0%. Eksport produk sawit Sarawak telah tumbuh 1.7% menjadi 4.18 juta tan berbanding 4.11 juta tan tahun sebelumnya. Dari segi komposisi eksport, 83.9% daripada eksport sawit Sarawak pada 2015 datang daripada eksport minyak sawit. Eksport minyak sawit Sarawak direkodkan meningkat 2.6% kepada 3.51 juta tan berbanding 3.42 juta tan pada tahun 2014.

Setimpal dengan pentingnya industri sawit Sarawak, Kerajaan memberi banyak bantuan dan insentif. Di bawah inisiatif Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit, kerajaan telah melaksanakan program mempercepat tanam semula dan tanam baharu sawit untuk pekebun kecil persendirian. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan produktiviti hasil sawit dan pendapatan pekebun kecil. Selain bantuan anak benih, mereka juga diberi bekalan input pertanian iaitu baja untuk tahun pertama, bahan kimia untuk kawalan rumpai dan perosak dan baja untuk tahun kedua serta insentif untuk penyediaan kawasan dan penanaman sawit.

Bagi negeri Sarawak nilai bantuan adalah sebanyak RM9,000 per hektar. Jumlah pekebun kecil yang telah diberi bantuan daripada tahun 2011 hingga tahun 2015 adalah seramai 16,709 orang melibatkan kawasan seluas 33,965 hektar dengan jumlah peruntukan sebanyak RM305.68 juta. Daripada jumlah tersebut Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) telah memberi manfaat kepada 16,554 orang dengan keluasan 33,439 hektar manakala Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) melibatkan 155 pekebun kecil dengan keluasan 526 hektar.

Bagi tahun 2015 sahaja, jumlah pekebun kecil yang telah dibekalkan anak benih adalah seramai 3,483 orang dengan jumlah keluasan 7,275 hektar. Kesemuanya melibatkan TBSPK. Ini berikutan masih terdapat kawasan yang sesuai untuk tanam baharu sawit. Tiada tanam semula pada tahun 2015 kerana tiada kawasan sawit pekebun kecil di Sarawak yang telah mencapai umur untuk ditanam semula.

Selain penyaluran bantuan input pertanian, MPOB juga memberi khidmat nasihat pengembangan kaedah penanaman dan penyelenggaraan sawit yang betul kepada semua pekebun kecil terlibat. Ini adalah bagi memastikan pekebun kecil melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP) supaya pokok sawit ditanam dan diselenggara dengan sempurna. Dengan itu pokok sawit yang ditanam dapat mengeluarkan hasil yang tinggi mengikut potensi hasil setempat seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil yang terlibat.

Untuk menggalakkan mekanisasi dan meningkatkan produktiviti di kalangan pekebun kecil, MPOB melaksanakan Skim Diskaun Cantas atau SKIDIC. Skim ini memberi diskaun bernilai RM1,000 bagi setiap unit mesin penuai BTS yang dibeli oleh pekebun kecil. Bagi negeri Sarawak sehingga kini sebanyak 663 permohonan SKIDIC dengan jumlah nilai diskaun sebanyak RM663,000 telah diluluskan. SKIDIC akan diteruskan pelaksanaannya di negeri Sarawak pada tahun 2016.

Pelaksanaan TBSPK dan TSSPK juga akan diteruskan pada tahun 2016. Sasaran pelaksanaan pada tahun 2016 bagi negeri Sarawak adalah 6,000 hektar melibatkan seramai 3,000 orang pekebun kecil. TBSPK khususnya mendapat sambutan yang menggalakkan di negeri Sarawak. Ini kerana masih terdapat kawasan tanah terbiar seperti di kawasan tanah berstatus NCR yang sesuai untuk penanaman sawit. Pelaksanaan TBSPK di Sarawak dengan penglibatan pekebun kecil secara aktif adalah antara faktor kejayaan program ini. Inisiatif ini juga dikenalpasti sebagai antara punca pendapatan baru kepada penduduk setempat di Sarawak.

Semoga dengan bantuan Kerajaan, industri sawit Sarawak akan terus berdaya maju dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.



MINDA
Datuk Dr Choo
Yuen May
Ketua Pengarah
MPOB



Gambar pertemuan Duta Perancis dengan Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Malaysia bantah tindakan Perancis perkenal cukai

» Tindakan berunsur diskriminasi terhadap minyak sawit

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Perancis bukanlah pengimport besar minyak sawit Malaysia. Tahun lalu ia hanya mengimport 11,156 tan minyak sawit berbanding 3,302 tan pada tahun 2014. Malah sepanjang tahun 2015, Perancis mengimport minyak sawit Malaysia pada enam bulan tertentu sahaja.

Namun begitu negara yang terkenal dengan masakan eksotik ini agak lantang mengecam minyak sawit. Pelbagai usaha dilakukan pihak tertentu di negara Eropah itu untuk menyekat kemasukan minyak sawit menerusi pengenalan cukai import yang berat sebelah.

Usaha ini dilakukan pada tahun 2013, 2014 dan 2015. Setiap kali cadangan melaksanakan cukai import ini dikemukakan di Dewan Senat Perancis, ia tidak diluluskan kerana hujah menyokong pengenalan cukai import ini adalah tidak berasas.

Paling ketara ia hanya dikenakan ke atas minyak sawit dan tidak kepada minyak sayuran lain. Secara dasarnya, ini adalah diskriminasi dan tidak adil. Tidak hairanlah ramai Ahli Parlimen dan ketua kerajaan Perancis menolak cadangan pengenalan cukai ini.

Usaha perkenal cukai

Tahun 2016 menyaksikan kemunculan usaha memperkenalkan

kan cukai ini kembali dan amat menghairankan pada kali ini Parlimen Perancis meluluskan cukai minyak sawit ini termasuk pindaannya pada 21 Januari lalu.

Secara ringkasnya dengan pelaksanaan cukai ini, minyak sawit dan minyak isirung sawit yang diekspor ke Perancis dikenakan cukai 300 Euro satu tan bermula pada tahun 2017; 500 Euro satu tan pada 2018 dan 700 Euro pada 2019. Cukai ini akan dinaikkan lagi kepada 900 Euro satu tan pada tahun 2020 dan kenaikan berikutnya akan ditentukan oleh Kementerian Kewangan Perancis.

Keputusan akhir sama ada untuk melaksanakan cukai ini dipanjangkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Mampan Perhimpunan Kebangsaan Perancis atau French National Assembly untuk pertimbangan seterusnya.

Kedua negara pengeluar minyak sawit terbesar dunia iaitu Malaysia dan Indonesia terkejut dengan kembalinya usaha memperkenalkan cukai ini yang telah dikuburkan berkali-kali sejak tahun 2013.

Malah Menteri Luar Perancis, Jean-Marc Ayrault memberi ucapan pada tahun 2013 dan berikrar bahawa Perancis tidak akan mengenakan cukai berunsur diskriminasi terhadap minyak sawit.

Ia satu kenyataan yang amat dialu-alukan oleh Malaysia kerana Kesatuan Eropah adalah di kalangan pengimport besar minyak sawit negara dan sebarang tindakan menyokong ataupun menentang minyak sawit akan membawa kesan menyeluruh.

Malaysia secara rasminya membantah perkembangan terbaru mengenai cukai import minyak sawit ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Amar Douglas Uggah Embas mengeluarkan kenyataan rasmi membantah usaha Perancis untuk mengena-

kan cukai import sawit itu.

Beliau mengadakan perjumpaan dengan Duta Perancis di Malaysia, Christophe Penot di Putrajaya pada 19 Februari 2016 untuk mengutarakan kebimbangan Malaysia terhadap penerimaan Pindaan 361 Rang Undang-undang Biodiversiti oleh Dewan Senat Perancis pada 21 Januari 2015.

Datuk Amar Douglas berkata, pindaan ini dibuat berdasarkan tuduhan bahawa industri sawit menyumbang kepada kemusnahan hutan dan kehilangan sistem ekologi serta wujudnya kesan buruk terhadap kesihatan dengan penggunaan minyak sawit dalam pemakanan.

Amalan Pertanian Baik

Beliau menekankan bahawa Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama minyak sawit mengamalkan pendekatan mampan termasuk Amalan Pertanian Baik (GAP) dalam membangunkan industri sawit, dan minyak sawit adalah berkhasiat untuk kesihatan.

"Industri sawit Malaysia secara sukarela mengamalkan sistem pensijilan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) yang diterajui oleh pihak industri," katanya.

Pada masa ini sebanyak 25.3% daripada kawasan tanaman sawit Malaysia adalah diiktiraf oleh RSPO. Malaysia juga melaksanakan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bermula pada tahun 2015 untuk mempromosikan lagi pengeluaran minyak sawit mampan.

MSPO adalah berdasarkan kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan termasuk pemantauan dan pengurusan penanaman sawit yang mengutamakan amalan baik dalam pertanian dan alam sekitar. Sehingga kini, sebanyak 111,451 hektar kawasan tanaman sawit negara disijilkan di bawah skim MSPO.

Industri sawit teroka peluang baharu

» Fokus sumber tenaga mampan pembangunan bahan api bio berasaskan sawit

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuching

Industri sawit digesa meneroka peluang baharu bagi minyak sawit terutama dalam pembangunan bio bahan api berasaskan sawit yang lebih kos efektif kerana mesra alam dan salah satu sumber tenaga yang mampan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata demikian sewaktu menyampaikan ucapan di perasmian seminar dan dialog 'Reach & Remind Friends of the Industry' anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) yang diadakan di sini, pada Februari lalu.

Katanya, sebagai bio bahan api berasaskan sawit, ia akan membantu usaha negara maju utama bagi mengurangkan pelepasan karbon sebagaimana deklarasi yang dibuat semasa persidangan



Datuk Amar Douglas Uggah Embas (dua dari kiri) mempengerusikan forum 'Reach & Remind Friends of the Industry'. Turut serta sebagai panel ialah Datuk M Nagarajan, Tan Sri Dr Yusof Basiron dan Datuk Dr Choo Yuen May.

mengenai perubahan iklim yang diadakan di Paris, Perancis baru-baru ini.

"Kita juga perlu bekerjasama dengan institusi penyelidikan di negara pengimport utama bagi mempromosi khasiat pemakaian minyak sawit disokong oleh bukti saintifik sedia ada.

Ekonomi perlahan

Beliau berkata, skenario ekonomi global yang diunjur berada dalam keadaan perlahan pada tahun 2016 akan menimbulkan beberapa cabaran termasuk mengekalkan permintaan bagi minyak sawit di negara pengimport utama.

Katanya, tidak dapat dinafikan bahawa minyak sawit adalah satu komponen penting dalam rantaian bekalan makanan.

"Namun begitu pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara pengimport utama dan pengeluaran yang lebih tinggi minyak sayuran lain memerlukan kajian semula strategi pemasaran semasa untuk memastikan akses pasaran yang berterusan bagi minyak sawit Malaysia.

Katanya, bagi menggalakkan penggunaan di peringkat domestik dan mempertingkatkan nilai tambah produk minyak sawit, pihak Kementerian akan terus meningkatkan penyelidikan dan

pengkomersialan produk baharu berasaskan sawit.

"Dalam jangka masa panjang, inisiatif ini akan meningkatkan nilai produk minyak sawit sekali gus menjana permintaan baharu bagi minyak sawit dan mengembangkan peluang pasaran.

Negara perintis

Sementara itu, di peringkat antarabangsa katanya, Malaysia dan Indonesia menjadi negara perintis dan menandatangani piagam mengenai penubuhan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) pada November 2015. Keahlian CPOPC turut dibuka kepada negara pengeluar

minyak sawit lain.

"CPOPC bertujuan mengukuhkan kerjasama di kalangan negara pengeluar minyak sawit dalam bidang yang berkaitan dengan menangani halangan perdagangan di negara pengimport utama, menangkis kempen negatif terhadap minyak sawit, menggalakkan amalan lestari dalam industri minyak sawit dan faedah pemakanan minyak sawit.

Katanya, CPOPC akan menyediakan platform untuk kerjasama di kalangan negara-negara pengeluar minyak sawit ke arah mewujudkan peluang pasaran yang lebih besar.

Beliau berkata, forum 'Reach & Remind Friends of the Industry' yang diadakan adalah bagi membincangkan cabaran yang perlu ditangani, khususnya berkaitan permintaan global yang rendah dan paras stok pengeluaran semasa.

"Industri ini adalah satu komponen penting dalam ekonomi Malaysia dan salah satu sektor yang disasarkan membantu transformasi negara," katanya.

Forum berkenaan turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M Nagarajan; Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Seminar bincang guna tenaga sektor ladang sawit



"Pertumbuhan industri sawit negara akan terjejas sekiranya pekerja asing tidak lagi berminat untuk bekerja di Malaysia"

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad
Pengerusi MPOB

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan seminar bagi membincang isu dan keperluan tenaga kerja khususnya di ladang sawit.

Seminar Guna Tenaga Di Sektor Perladangan Sawit 2016, diadakan di ibu pejabat MPOB di sini pada pertengahan bulan Februari lalu.

Lebih 200 peserta terdiri wakil syarikat dan agensi perladangan sawit hadir untuk mendengar pembentangan kertas kerja me-

ngenai isu tenaga buruh di sektor ladang sawit dan proses pengajian pekerja asing.

Majlis dirasmikan Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad. Yang turut hadir, Ketua Pengarah MPOB Dato' Dr Choo Yuen May dan Setiausaha Bahagian Penyelidikan Inovasi dan Modal Insan, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Mohamad Mahil Ahmad.

Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata, penganjuran seminar guna tenaga di sektor perladangan sawit itu adalah bertepatan dengan keadaan di mana sektor perladangan adalah sektor yang berintensifkan tenaga kerja.

Berdasarkan statistik MPOB, sehingga Disember 2015, terdapat seramai 437,495 pekerja di sektor perladangan sawit Malaysia. Jumlah ini tidak termasuk sektor pekebun kecil sawit persendirian.

"Saya difahamkan guna tenaga di sektor perladangan sawit sahaja mewakili hampir 70% da-

ripada jumlah guna tenaga di semua sektor sawit yang merangkumi sektor huluhan hingga hiliran yang dianggarkan berjumlah melebihi 620,000 orang," katanya semasa merasmikan seminar itu.

Risiko kepada industri sawit

Beliau berkata, kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing untuk melakukan aktiviti perladangan turut membawa risiko kepada industri sawit negara.

"Ini kerana pertumbuhan industri sawit negara akan terjejas sekiranya pekerja asing tidak lagi berminat untuk bekerja di Malaysia atau sekiranya berlaku perubahan dasar oleh kerajaan di negara asal mereka.

"Ketika ini pihak pengurusan ladang sukar untuk mendapatkan pekerja dari Indonesia kerana mereka dikhabarkan lebih suka bekerja di negara sendiri memandangkan pendapatan yang diterima hampir setara seperti di Malaysia di samping boleh berada bersama keluarga mereka," katanya.

Beliau berkata, walaupun pelbagai usaha dibuat pihak kerajaan, kekurangan tenaga kerja dalam industri sawit terutamanya sektor perladangan masih berlaku.

Sehingga Disember 2015, sektor perladangan di Malaysia dilaporkan menghadapi kekurangan tenaga kerja seramai 34,817 orang. Kebanyakannya adalah untuk kategori kerja penuaian dan pemungutan buah tandan segar yang ditakrifkan sebagai 3D: dirty, difficult, dangerous (kotor, sukar, berbahaya).

Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata, persepsi 3D ini perlu diubah sebagai usaha menarik minat orang tempatan untuk bekerja di sektor ladang.

"Oleh itu saya harap peserta seminar ini dapat memberi input mengenai isu tenaga buruh di sektor ladang sawit agar satu pendekatan dapat diwujudkan untuk menyelesaikan isu ini," katanya.

Mengenai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Wan Mohammad Khair-il Anuar menyeru pemain industri terutamanya sektor perladangan merebut peluang di bawah TPPA dan meningkatkan daya saing agar industri sawit negara dapat berkembang dengan lebih pesat.

Pada 4 Februari lalu, Malaysia bersama-sama 11 negara iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Vietnam menandatangani TPPA.

Malaysia, Belanda pererat kerjasama

» **Delegasi bincang projek sektor sawit dengan lebih terperinci**

Oleh Eliza Johari
elyzajoe@mpob.gov.my

► Bangi

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan bengkel Sub-Committee on Oil Palm (SCOP) di bawah Jawatankuasa Bersama Malaysia-Belanda dalam Bidang Kayu-Kayan dan Komoditi pada 15-16 Februari lalu.

Bengkel yang berlangsung selama dua hari dihadiri pakar dari Belanda dan MPOB.

Objektif utama penganjuran bengkel berkenaan adalah bagi membincangkan projek kerjasama dalam sektor sawit di antara Malaysia dan Belanda dengan lebih terperinci.

Delegasi Belanda diketuai oleh

Penyelaras Dasar, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Belanda, Frederik Heijink. Delegasi turut disertai Ketua Program Sustainable Development of the Netherlands Oils and Fats Industry (MVO), Dr Eddy Esselink, Dr Maja (M.A.) Slingerland, Dr Wolter Elbersen dan Peter van de Meer, pakar dalam bidang pertanian.

Turut serta delegasi ini dua wakil daripada Kedutaan Belanda iaitu Lucie Wassink dan Hoh Li Huan.

Bincang potensi kerjasama

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan aluannya menjelaskan bahawa bengkel ini diadakan sebagai sulsulan kepada Mesyuarat Pakar (Expert Meeting) SCOP yang diadakan pada 13 November 2015, di mana Malaysia dan Belanda membincangkan potensi kerjasama di dalam sektor sawit di antara dua negara.

Kertas kerja projek kerjasama ini dibentangkan dua negara dalam mesyuarat itu dan bersetuju mengenal pasti serta memilih beberapa bidang projek khusus bagi membolehkan kerjasama ini bergerak ke tahap seterusnya.



Datuk Dr Choo Yuen May ketika mempengerusikan bengkel SCOP bersama delegasi Belanda.

Bengkel ini turut mengatur lawatan ke beberapa fasiliti MPOB seperti Pusat Teknologi Biojism Sawit di Stesen Penyelidikan MPOB dan Bahagian Penyelidikan Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD) di Ibu Pejabat MPOB.

Di samping itu, delegasi Belanda juga berkesempatan melawat plot penyelidikan bagi projek integrasi tanaman dan ternakan de-

ngan sawit yang bertempat di Stesen Penyelidikan MPOB Keratong, Pahang.

Capai objektif

Bengkel SCOP berjaya mencapai objektifnya untuk mengenal pasti dan membincangkan dengan lebih terperinci bidang kerjasama sawit dari segi pengeluaran sawit mampan dan produk tambah nilai daripada sawit.

Kedua-dua pihak bersetuju agar mesyuarat SCOP yang seterusnya diadakan di Belanda sempena Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia-Belanda dalam Bidang Kayu-kayan dan Komoditi yang akan diadakan pada Jun 2016 di samping meraikan Belanda sebagai tuan rumah bagi The European Biomass Conference and Exhibition (EUBCE) pada 9 Jun 2016.



Dr Idris Abu Seman (tengah) dan rakan penyelidik bersama pingat dan anugerah yang dimenangi sempena MTE 2016.

MPOB menang satu emas, 2 perak dan 2 gangsa di MTE 2016

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berjaya meraih satu pingat emas, dua perak dan dua gangsa pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2016 anjuran Malaysian Association Research Scientist (MARS) yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Pingat emas dimenangi teknologi diketuai Ketua Unit Ganoderma dan Penyakit Sawit, Bahagian Penyelidikan Biologi MPOB, Dr Idris Abu Seman de-

ngan inovasi bertajuk 'GanoEF Biofertilizer as biological control of ganoderma disease in oil palm'.

Beliau turut meraih dua pingat perak pada MTE 2016 dengan inovasi bertajuk 'Embio™ actinoPlus powder for controlling ganoderma disease in oil palm' dan GanoCare™ Organic - vegetative growth and controlling ganoderma disease in oil palm'.

Sementara itu, dua pingat gangsa diperoleh MPOB bagi inovasi bertajuk 'Specific detection of the oil palm specific form of fusarium' oleh Pegawai Penyelidik Unit Ganoderma dan Penyakit Sa-

wit, Bahagian Penyelidikan Biologi, Dr Mohd Hefni Rusli dan inovasi 'A novel bioflokulan from palm oil mill effluent' oleh Pegawai Penyelidik Unit Tenaga dan Persekitaran, Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan, Nurul Adela Bukhari.

Inovasi berkaitan penghasilan produk bagi mengawal penyakit ganoderma adalah ekoran masalah yang semakin serius dalam sektor perladangan sawit serta memerlukan penyelesaian segera.

MPOB menghasilkan pelbagai produk termasuk formulasi baja bio dan baja organik untuk keperluan estet dan pekebun kecil bagi mengawal serangan penyakit reput pangkal batang yang disebabkan oleh *Ganoderma*.

Berdasarkan kajian dijalankan semua produk berkenaan berkesan mengurangkan dan mencegah jangkitan penyakit *Ganoderma* pada pokok sawit.

Inovasi berkaitan bioflokulan daripada efluen kilang sawit dihasilkan bagi menggantikan flokulan kimia sintetik. Produk ini aktif secara biologi, mesra alam dan selamat untuk ekosistem kerana mudah terurai secara semula jadi.

Teknologi berkaitan pengesanan awal *Fusarium oxysporum f.sp. elaeidis* melalui teknik molekular dibangunkan bagi mengesan dengan cepat, tepat serta sensitif terhadap kehadiran spora *Fusarium. Fusarium oxysporum f.sp. elaeidis* adalah sejenis kulat yang menyebabkan penyakit pada pokok sawit.



Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad beramah mesra dengan penduduk Rumah Pong, Sungai Tinjar.

Pengerusi MPOB tertarik kehidupan rumah panjang

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Baram: Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad jelas tertarik suasana kehidupan di rumah panjang di sini.

Beliau mengambil kesempatan singgah dan meninjau suasana kehidupan di Rumah Pong, Sungai Tinjar semasa menghadiri Program Hello Komoditi di Long Lama baru-baru ini.

Pada lawatan itu, beliau sem-

pat beramah mesra dengan penduduk serta menyampaikan sumbangan peribadi.

Katanya, lawatan seumpama ini secara tidak langsung memperkukuhkan lagi hubungan di antara penduduk Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah bagi memastikan keharmonian negara akan kekal utuh.

Beliau yang terpesona dengan suasana kehidupan penduduk berharap akan berpeluang untuk melawat rumah panjang tradisi di kawasan pedalaman Sarawak pada kesempatan lain.

Pameran Hello Komoditi dedah maklumat kepada umum

» *Tingkat kesedaran, pengetahuan kepentingan tanaman utama negara*

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Miri

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) meneruskan siri penganjuran program Hello Komoditi pada pertengahan Februari lalu di Daerah Long Lama, Baram di sini, baru-baru ini.

Program yang julung kali diadakan di sini berjaya menarik minat hampir 1,000 pengunjung yang hadir pada program berkenaan.

Program Hello Komoditi adalah pendekatan untuk bertemu masyarakat bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kepentingan tanaman komoditi utama negara dan produk berasaskan komoditi.

Program MPIC bersama agensi di bawahnya iaitu Lembaga Mi-



Datuk Amar Douglas Uggah Embas melawat pameran MPOB sempena program Hello Komoditi di Long Lama, Baram.

nyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Koko Malaysia (LKM), Lembaga Lada Malaysia (LLM) dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN).

MPIC bertanggungjawab terhadap pembangunan industri komoditi utama negara iaitu minyak sawit, getah, kayu-kayan, koko, tembakau, kenaf dan lada hitam. Melalui program Hello Komoditi, kementerian dan agensi di bawahnya dapat menerangkan

kepada masyarakat mengenai peranan serta kemudahan yang disediakan oleh MPIC dan agensi di bawahnya.

Penyertaan Hello Komoditi terbuka kepada semua lapisan masyarakat dengan tumpuan kepada pekebun kecil untuk memanfaatkan aktiviti yang dianjurkan semasa program ini berlangsung.

Bantu tingkat pengeluaran

Ia juga menyediakan maklumat untuk meningkatkan pendedahan dan kesedaran kepada pekebun

kecil mengenai kemudahan, insentif, skim bantuan dan galakan yang disediakan oleh agensi di bawah MPIC bagi membantu meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil.

Program berkenaan turut membabitkan penyertaan golongan belia, pelajar dan masyarakat umum yang berminat menceburi bidang keusahawanan dalam sektor komoditi seperti produk berasaskan sawit dan komoditi lain.

Penganjuran program seumpama

ma ini memberi manfaat kepada masyarakat setempat bagi menambah pengetahuan serta meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menceburi bidang keusahawanan yang sekali gus memberikan pulangan ekonomi yang baik.

Pelbagai aktiviti bermanfaat diadakan sepanjang sehari penganjuran Hello Komoditi. Antaranya seminar komoditi, pameran agensi dan jualan produk komoditi, kaunter penerangan, agihan input pertanian, kaunter koperasi penanam sawit mampan, kaunter pendaftaran lesen pekebun kecil dan kaunter pendaftaran skim bantuan dan tanam semula.

Antara pengisian yang dilaksanakan MPOB sepanjang program berlangsung adalah seperti kuiz sawit, pameran produk berasaskan sawit, pameran pengedaran buah sawit, penerangan mengenai Insentif Tanam Semula dan Tanam Baru Sawit, penerangan mengenai Koperasi Penanam Sawit Mampan dan pameran alat pemotong buah sawit bermotor (Cantas Evo).

Selain itu, seminar komoditi bertajuk 'Transformasi Pekebun Kecil Sawit' disampaikan wakil daripada MPOB.

Penganjuran Hello Komoditi kali ini diterima baik penduduk sekitar daerah Baram, Sarawak.

Program Hello Komoditi dirasmikan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Anak Numpang. Turut hadir Menteri MPIC, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, serta Ahli DUN Telang Usan, Dennis Ngau.

Yang hadir sama Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Annamalai serta Ketua-ketua Pengarah agensi terbabit.

Buruh asing kuasai 78 peratus di ladang

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Sektor perladangan sawit Malaysia sangat bergantung kepada tenaga buruh asing di mana 78 peratus daripada keseluruhan tenaga kerjanya adalah pekerja dari negara luar, terutamanya Indonesia.

Ketua Unit Tekno Ekonomi Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB, Azman Ismail, berkata aktiviti utama membabitkan buruh dari negara jiran ini adalah kerja penuaian dan pemungutan buah tandan segar (BTS) dan kerja ladang.

"Pada masa kini sukar mengambil tenaga buruh dari Indonesia kerana mereka lebih suka bekerja di negara sendiri. Senario ini menjadikan isu kekurangan tenaga buruh lebih kritikal terutamanya untuk



Azman membentangkan kertas kerja pada Seminar Guna Tenaga di Sektor Perladangan Sawit 2016, di Bangi.

aktiviti penuaian dan pemungutan BTS," kata beliau di Seminar Guna Tenaga di Sektor Perladangan Sawit 2016 yang dianjurkan buat pertama kalinya oleh MPOB di sini baru-baru ini.

Azman berkata, pergantungan kepada tenaga buruh perlu dikurangkan dan ini dapat dilaksanakan melalui penggunaan jentera.

Jana pendapatan

Industri sawit memainkan peranan penting dalam per-

kembangan pertanian di Malaysia. Ia menyumbang antara 5 peratus dan 7 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pertukaran wang asing dan peluang pekerjaan.

Industri sawit menjana pendapatan eksport sebanyak RM60.1 bilion pada tahun 2015 di mana Malaysia mengeluarkan 19.96 juta tan minyak sawit mentah berbanding 19.67 juta tan pada tahun 2014.

Azman berkata, pada

masa ini pihak ladang menghadapi masalah mendapatkan tenaga kerja kerana tenaga tempatan kurang berminat bekerja di ladang dan tenaga buruh Indonesia pula lebih suka bekerja di republik itu.

Sehingga akhir Disember 2015, guna tenaga di sektor perladangan sawit di Malaysia adalah 437,495 pekerja di mana 402,344 atau 91.97 peratus adalah pekerja di ladang sementara 35,151 orang atau 8.03 peratus adalah pekerja di pejabat.

Daripada jumlah 437,495 pekerja ini, 340,283 orang atau 77.78 peratus adalah buruh dari negara luar. Indonesia adalah sumber pekerja asing terbesar untuk sektor perladangan sawit Malaysia dengan bilangan 292,763 pekerja atau 86.04 peratus. Pekerja asing dari negara lain yang bekerja di sektor ini termasuk India, Bangladesh dan Filipina.



Produk **GanoCare™ OCSpecial** dan **GanoCare™ organic**.

Penyakit Ganoderma jejas industri sawit, pekebun kecil

» **Baja GanoCare™ berorganik bantu pertumbuhan vegetatif, kawal serangan penyakit**

Oleh **Mohd Shukri Ibrahim**
mohd.shukri@mpob.gov.my

Penyakit *Ganoderma* adalah ancaman kepada industri sawit dan pekebun kecil kerana serangan penyakit ke atas pokok sawit akan menyebabkan pengeluaran hasil terjejas dan akhirnya pokok mati.

Akibat serangan penyakit, hasil buah tandan segar (BTS) sawit boleh terjejas sebanyak 46% pada umur sawit 15 tahun selepas ditanam.

Kejadian penyakit *Ganoderma* ini semakin meningkat termasuk kawasan tanaman sawit dimiliki pekebun kecil. Bancian penyakit dijalankan ke atas pokok sawit ditanam pekebun kecil di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK).

Berdasarkan bancian penyakit pada tahun 2011 sehingga 2015, seluas 5,803.82

hektar (12.98%) kawasan tanaman sawit pekebun kecil diserang penyakit *Ganoderma*.

Bilangan PK yang terabit ialah 2,418 (14.9%) meliputi kawasan Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Teknologi Baja Berorganik GanoCare™

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memperkenalkan teknologi baja berorganik GanoCare™, formulasi bahan organik serbuk tandan kosong (EFB) sawit diadun dengan unsur lain yang berguna dan dirumus untuk membantu kesuburan tanah, pertumbuhan sawit serta pencegahan penyakit *Ganoderma* sawit.

Teknologi ini dilesenkan kepada FELCRA Plantation Services Sdn. Bhd. (FPSSB) untuk pengeluaran bagi keperluan industri dan pekebun kecil sawit. Produk ini berjaya memfailkan paten Malaysia (PI2012701060) dan Indonesia (P00201502959).

Kajian penggunaan produk di tapak semaian untuk pertumbuhan tampang

Dua rawatan dinilai dengan 45 anak pokok: T1-anak pokok yang tidak dirawat (rawatan kawalan, tanpa GanoCare™ berorganik); dan T2-anak pokok dirawat dengan GanoCare™ berorganik. Selepas 9 bulan rawatan, anak pokok dirawat dengan GanoCare™ berorganik mempunyai peningkatan

yang ketara dalam jumlah pelepah, ketinggian anak benih, lilitan, panjang rakis, dan berat kering berbanding dengan anak pokok yang tidak dirawat.

Kajian penggunaan produk untuk kawalan penyakit *Ganoderma* sawit

Keberkesanan baja GanoCare™ berorganik untuk pencegahan dan mengawal penyakit *Ganoderma* pada anak pokok sawit diuji di tapak semaian dan di ladang.

Kajian di tapak semaian mendapati penggunaan produk GanoCare™ telah berjaya mengurangkan kejadian penyakit disebabkan kulat *Ganoderma* spp. sebanyak 63.5%.

Bagi kajian di ladang mendapati 6.7% anak pokok sawit yang dirawat dengan produk GanoCare™ mati berbanding dengan 83.3% pokok sawit tanpa rawatan GanoCare™ mati disebabkan jangkitan *Ganoderma* selepas 36 bulan percubaan dijalankan.

Penghasilan produk

Formulasi baja berorganik GanoCare™ dikenali sebagai GanoCare™ organik, serta baja sebatian kimia berorganik atau dikenali sebagai GanoCare™ OCSpecial dihasilkan dalam tiga jenis bentuk formulasi iaitu baja serbuk, palet dan kompak.

Kelebihan Produk GanoCare™ Organik

Produk ini merupakan campuran bahan organik tandan kosong (EFB) diadun dengan



Penghasilan produk **GanoCare™** dalam bentuk serbuk, pelet dan kompak.

unsur berguna lain membantu:

- Membina ketahanan pokok sawit terhadap jangkitan *Ganoderma*
- Menebalkan dinding-dinding sel akar, batang, dan daun pokok
- Mudah untuk ditabur semasa aplikasi pembajaan
- Sesuai untuk kegunaan anak pokok sawit di tapak semaian, pokok sawit muda dan matang di peringkat ladang
- Bahan organik dari sawit membantu meningkatkan kesuburan dan meningkatkan pH tanah
- Sesuai untuk kebanyakan jenis tanah (lateritik, bris, pedalaman, gambut, pantai dan lain-lain).

Penggunaan produk GanoCare™ adalah disyorkan untuk meningkatkan pertumbuhan tampang anak pokok sawit dan sebagai langkah pencegahan dan menghalang penyebaran penyakit *Ganoderma* ke atas pokok sawit.

GanoCare™ ini juga boleh menyumbang secara positif ke arah pencegahan penyakit di mana ianya dapat mengurangkan kejadian dan penyebaran penyakit *Ganoderma* di ladang-ladang sawit di samping dapat meningkatkan produktiviti sawit dan minyak sawit negara.

Produk GanoCare™ ini berjaya memenangi anugerah Medal Perak dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2016 serta beberapa anugerah termasuk Medal Emas dalam Malaysian Agricultural Innovation Challenge (MAGIC) 2014, Anugerah Ciptaan Inovasi FELCRA 2014, Medal Emas dan Malaysian Innovative Product Award 2015 dalam International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2015.

Dr Idris Abu Seman meraih pingat perak di bawah kategori Pertanian dengan teknologi bertajuk GanoCare™ Organic-Vegetative Growth and Controlling Ganoderma disease in Oil Palm.

Bioflokulan daripada efluen kilang sawit

Oleh **Nurul Adela Bukhari**
adela@mpob.gov.my

Malaysia adalah antara pengeluar dan pengekspor minyak sawit dan produk berasaskan sawit terbesar dunia. Dengan permintaan yang semakin meningkat, kawasan ladang kelapa sawit mencecah 5.6 juta hektar pada tahun 2015.

Sejajar peningkatan pengeluaran minyak sawit, jumlah produk sampingan daripada proses pengilangan minyak sawit turut meningkat. Pada masa ini tandan buah segar (FFB) diproses kira-kira 445 kilang minyak sawit melebihi 100 juta tan.

Tandan kosong sawit (EFB), gentian mesokarpa, tempurung isirung sawit, dedak isirung sawit (PKC) dan efluen kilang sawit atau POME adalah bahan buangan dihasilkan daripada proses pengekstrakan minyak sawit.

Antara bahan buangan ini, POME membentuk bahagian terbesar. Dianggarkan kira-kira 0.67 tan POME dihasilkan daripada 1 tan tandan buah segar yang diproses. Dengan ini, pada tahun 2015, kira-kira 70 juta tan POME dihasilkan daripada pemrosesan minyak sawit.

POME adalah agen pencemaran kerana ia berasid serta mengandungi permintaan oksigen biokimia (BOD), permintaan oksigen kimia (COD), minyak dan gris serta jumlah pepejal yang tinggi.

Semasa proses rawatan POME, gas metana adalah gas rumah hijau dilepaskan seterusnya menyumbang kepada pemanasan global.

Bagaimanapun, kesan negatif POME boleh ditukarkan menjadi produk yang mempunyai nilai tambah kerana POME mengandungi nutrien tinggi seperti sumber karbon dan bahan organik lain.

Penukaran biokimia POME menjadi produk nilai tambah dilihat sebagai alternatif yang menarik untuk strategi pengurusan sisa sawit.

Dalam proses ini, sisa organik daripada POME digunakan sebagai substrat untuk pengkulturan mikro organisma tertentu bagi menghasilkan produk sasaran seperti bio-bahan api dan bio-bahan kimia. Antara produk nilai tambah yang boleh dihasilkan adalah seperti biogas, biohidrogen, bioetanol, bioplastik, biopestisid, biosurfaktan, dan bioflokulan.

Bioflokulan berasaskan mikrob

Bioflokulan daripada sumber mikrob menarik minat yang semakin meluas untuk menggantikan flokulan kimia sintetik. Walaupun agen flokulan kimia mempunyai kecekapan flokulasi yang tinggi dan murah, namun ia tidak mudah terurai secara semula jadi serta membebaskan monomer yang neurotoksik dan karsinogenik.

Bioflokulan mempunyai potensi yang besar untuk menggantikan flokulan kimia,

kerana ia aktif secara biologi, mesra alam dan selamat untuk ekosistem.

Bagaimanapun, kos penghasilan bioflokulan menjadi masalah utama menghalang pengeluaran serta penggunaan industri produk berasaskan mikrob.

Bahan mentah murah daripada sumber boleh diperbaharui perlu diteroka sebagai alternatif kepada yang biasa digunakan substrat seperti glukosa, fruktosa, sukrosa dan L-glutamat.

Penggunaan bahan-bahan buangan seperti sisa air atau efluen sebahagian besarnya boleh mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan kemungkinan pengeluaran komersial bioflokulan dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kos rawatan sisa sawit.

Kajian ini meneroka kebolehpayaan penggunaan sisa buangan kilang sawit sebagai substrat untuk penghasilan bioflokulan bagi mengurangkan kos pengeluaran.

Teknologi dan aplikasi

Secara umumnya, proses penukaran biokimia membabitkan tiga proses utama, iaitu pra-rawatan atau hidrolisis substrat, fermentasi dan proses hiliran seperti pengekstrakan dan penulenan produk sasaran.

Pengoptimuman penghasilan gula ringkas daripada POME mentah dilakukan sebagai langkah penyediaan kaedah sesuai untuk fermentasi bakteria.

POME dihidrolisis terlebih dahulu untuk membantu dan mempercepatkan proses

fermentasi. Gula ringkas hasil daripada proses hidrolisis ini digunakan sebagai sumber karbon oleh bakteria untuk menghasilkan bioflokulan.

Dalam kajian ini, bakteria yang berpotensi menghasilkan bioflokulan telah berjaya dipencilkan dan dikenal pasti sebagai *Bacillus marisflavi* NA8.

Bakteria ini menunjukkan aktiviti flokulasi (pengelompokan) yang tinggi terhadap ampaian tanah liat Kaolin kesan daripada biopolimer yang dihasilkan.

Bakteria ini juga menunjukkan aktiviti flokulasi yang tinggi apabila dihidupkan dalam medium POME yang telah dibangunkan.

Keadaan optimum bagi penghasilan bioflokulan oleh *B. marisflavi* NA8 telah dikaji. Dengan menggunakan bioreaktor yang dikawal di bawah keadaan optimum, sebanyak 49 kg bioflokulan boleh diperolehi daripada 1 tan POME.


Anggaran potensi penghasilan bioflokulan oleh sebuah kilang sawit berkapasiti 60 tan sejam adalah kira-kira 11,800 tan bioflokulan setahun.

Jadual : Potensi penghasilan bioflokulan daripada kilang sawit (2015)

Jumlah FFB diproses, juta tan 105
Jumlah POME dihasilkan @67% FFB, juta tan 70

Potensi bioflokulan dihasilkan daripada kilang sawit berkapasiti 60 tan sejam @49 kg/tan POME, tan 11,818

Potensi bioflokulan dihasilkan daripada kilang sawit (2015), juta tan 3.43



Penghasilan bioflokulan daripada hidrolisat efluen kilang sawit.



Aplikasi bioflokulan dalam penuaian mikro alga.

Hasil kajian ini mendapati bioflokulan yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai kestabilan haba tinggi, aktif merentasi julat pH yang luas dan boleh diuraikan.

Seterusnya, bioflokulan dihasilkan diaplikasi untuk memendakkan mikro alga bagi membolehkan proses penuaian dilakukan.

Kajian mendapati, bioflokulan ini berupaya memendakkan mikro alga, *Chlorella vulgaris* pada dos yang lebih rendah berbanding dengan flokulan kimia komersial seperti polialuminium klorida dan alumi-

nium sulfat.

Dengan ini, bioflokulan yang dihasilkan oleh *B. marisflavi* NA8 daripada POME mempunyai potensi sebagai alternatif kepada flokulan kimia.

Manfaat produk berasaskan bahan sampingan sawit

Dalam kajian ini, bioflokulan yang kos efektif telah dibangunkan dan diaplikasikan dalam penuaian mikro alga.

Kebolehpayaan bioflokulan dalam memendakkan bahan biologi menunjukkan potensinya untuk digunakan dalam proses

bioremediasi atau pemulihan persekitaran tercemar dengan bahan cemar biologi.

Selain aplikasi ini, bioflokulan juga berpotensi untuk digunakan dalam pelbagai aplikasi industri lain seperti rawatan air dan sisa air, rawatan bagi penyingkiran pewarna, logam berat dan sebatian organik yang toksik.

Kajian ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan MPOB dalam mempelbagaikan penggunaan bahan sampingan sawit. Usaha ini adalah selaras dengan strategi serampang tiga mata MPOB iaitu penda-

patan tinggi, sisa sifar dan produk nilai tambah.

Kajian seperti ini dapat membantu mengurangkan sisa pencemaran, pelepasan gas rumah hijau dan pemanasan global. Namun apa yang lebih penting adalah imej industri sawit sebagai industri mesra alam dengan mengamalkan pembangunan lestari dapat ditingkatkan.

Teknologi inovasi ini telah memenangi pingat Gangsa dalam Malaysia Technology Expo 2016 (MTE 2016) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 18-20 Februari lalu.

100,000 rancakkan program Sejiwa Senada Sarawak

» 160 agensi ambil bahagian dalam pameran, jualan produk

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar dan Mohd Zulhelmy Ismail
nurhajar@mpob.gov.my, zulhelmy@mpob.gov.my

► Saratok

Program Sejiwa Senada di Dataran Saratok menyaksikan lebih 100,000 pengunjung yang terdiri dari berbilang bangsa dan etnik yang sebahagian besarnya penduduk dari beberapa bandar dan pekan berhampiran di wilayah tengah Sarawak.

Siri keempat program Sejiwa Senada yang diadakan pada 26 hingga 28 Februari lalu dirasmikan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak turut dihadiri oleh Ketua Menteri Sarawak,

Penduduk setempat mengunjungi pameran MPOB sempena program Sejiwa Senada di Saratok.



wak, Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Alfred Jabu Numpang.

Selain MPOB, lebih 160 agensi yang terdiri jabatan kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di peringkat

kat negeri dan persekutuan mengambil bahagian dalam pameran dan jualan produk menerusi program tersebut.

Antara pengisian yang dilaksanakan oleh MPOB sepanjang program berlangsung adalah kuiz sawit, pameran produk berasas-

kan sawit, jenis-jenis tandan sawit, penerangan mengenai Insentif Tanam Semula dan Tanam Baru Sawit, penerangan mengenai Koperasi Penanam Sawit Maman, pameran anak pokok sawit, dan pameran serta penerangan mengenai alat pemotong

buah sawit bermotor (Cantas Evo).

Dapat sambutan baik daripada penduduk

Jumlah pengunjung yang hadir sejak hari pertama pameran diadakan jelas menggambarkan sambutan baik penduduk Sarawak terhadap program tersebut.

Program di Saratok turut dihadiri Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Sementara itu, siri jelajah program Sejiwa Senada yang diadakan di Sarikei sebelumnya turut mendapat sambutan membe-rangsangkan.

Awalnya dijangka seramai 80,000 pengunjung akan memeri-ahkan program yang berlangsung selama tiga hari tersebut, namun angka tersebut bertambah menjelang hari terakhir program dilaksanakan.

Menteri Pembangunan Sosial Sarawak, Tan Sri William Mawan Ikon yang merasmikan penutupan program tersebut melihat jumlah pengunjung yang menggalakkan tersebut sebagai kejayaan besar dalam meraih kepercayaan penduduk sekitar Sarikei.

Program yang disempurnakan oleh Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem turut memperkenalkan kepada pengunjung produk serta perkhidmatan yang disediakan agensi terlibat sewaktu program berkenaan.

PENGUMUMAN KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)



KURSUS OPERASI MEKANISASI LADANG (KOML)

- Kursus ini dikira sebagai Pusat Berteknologi oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk Kursus Operasi Mekanisasi Ladang Sawit Tahap 2, 3 dan 4.
- Bertujuan untuk melahirkan generasi baru yang berkemahiran tinggi dalam bidang mekanisasi ladang sawit dengan hastar kerajaan untuk memantapkan modal insan negara.

OBJEKTIF

- Memberi pendedahan kepada pelatih dari segi teori serta penekanan yang lebih kepada aspek praktikal berkenaan mekanisasi di ladang sawit.
- Sermatamat untuk melahirkan warga kerja yang cekap dan leraih.

SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia.
- Serumur 17 hingga 35 tahun.
- Tamail SPW/SPW(V) atau yang setaraf dengannya atau mempunyai dua tahun pengalaman bekerja di sektor perladangan/penjenteraan.

MAKLUMAT LANJUT DAN PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:

MCHD SOLAH DEBAMAN: solah@mpob.gov.my
SITI BALQIS JAAFAR: balqis@mpob.gov.my
Tel: 09-4514409 samb. 4402/4401 Faks: 09-4514405
RUBAAN MASRI: rubaan@mpob.gov.my
Tel: 03-89267046 Faks: 03-89257549



MPOB

YURAN

- RM3500. Kemudahan barisan kewangan boleh dirujuk bagi mereka yang layak.

LOKASI

KM 137, Lebuh Raya Segamat, Kuantan
Neli, Serai No. 24, Pejabat Pas Bandar Tun Razak,
26900 Bandar Muadzam Shah, Pahang

CARA MEMOHON

- Pemohon hendaklah menggunakan barangan yang dilampirkan atau barangan yang dimuat turun dari laman web MPOB (www.mpo.gov.my).
- Sertakan bersama satu salinan kad pengenalan pemohon, salinan sijil SPW/SPW(V) atau yang setaraf yang telah disahkan atau surat pengesahan mojian bagi mereka yang berkenaan.

Delegasi Jepun kagum pencapaian MPOB

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: MPOB menerima kunjungan delegasi terdiri daripada wakil industri perkilangan dan industri makanan Jepun baru-baru ini, di ibu pejabatnya di sini.

Lawatan yang diatur oleh Mitsui Kuala Lumpur itu disertai 25 peserta sempena program Palm Oil Mission anjuran Mitsui dalam memperkenalkan peserta dengan industri sawit Malaysia.

Lawatan singkat itu bertujuan mendapatkan pemahaman khusus berkenaan aktiviti dilaksanakan MPOB dalam mempergiat sektor sawit, selain pendedahan mengenai peranan MPOB dalam memperkasa permintaan industri dan global daripada sektor hulu sehingga ke sektor hiliran. Kekangan bahasa diha-

dapi delegasi daripada negara matahari terbit itu bukan halangan untuk mereka berasa kagum dengan pencapaian MPOB dalam sektor sawit.

Delegasi berkenaan mengambil kesempatan mencedok dan berkongsi ilmu dan pengalaman MPOB sebagai institusi terulung dunia dalam penyelidikan sawit.

Selesai sesi perbincangan bersama, mereka dibawa melawat ke Galeri Sawit bagi mendapatkan penerangan lebih terperinci dan khusus mengenai MPOB dan industri sawit negara.

Terima kunjungan UM, Cranfield Universiti London

Sementara itu, MPOB turut menerima kunjungan penyelidik Universiti Malaya (UM) dan Cranfield Universiti London.

Mereka berada di Malaysia bagi kerjasama projek penyelidikan yang dianjurkan

kan penyelidik UM, 'Evaluation and Prediction of Nutrients Availability from Biowaste Using Sensor and Cloud Technology to Meet Crop Demands in Malaysia'.

Lawatan diketuai Profesor Dr Agamuthu P. daripada UM dan disertai tujuh penyelidik lain itu bertujuan menjalin hubungan baik dengan MPOB dalam berkongsi maklumat dalam sektor perladangan dan penanaman sawit di Malaysia.

Dalam kunjungan itu, mereka diberi penerangan oleh pegawai MPOB mengenai kaedah yang dipraktikkan dalam sektor perladangan menerusi kajian-kajian yang dibangunkan oleh penyelidik MPOB.

Penyelidik berharap akan dapat bekerjasama dengan MPOB pada masa depan dalam memastikan kajian yang dilakukan adalah lebih berkualiti dan memenuhi permintaan industri.

Kilang sawit disaran laksana MSPO

» *Pensijilan penuh aspek perundangan, selari dengan geografi Malaysia*

Oleh Mohd Zulhilmi Wan Salleh dan Mohd Shahrin Rahami

Pertumbuhan pesat dalam industri minyak sawit di Malaysia mencetuskan pelbagai cabaran baharu yang harus ditempuh bagi memastikan industri ini kekal berdaya saing.

Bagaimanapun isu-isu berkaitan kemusnahan hutan, ancaman kepupusan spesies hidupan liar, peningkatan kolesterol dalam darah dan pelbagai lagi isu negatif sering dikaitkan dengan industri sawit.

Namun, kesemua tuduhan ini berjaya ditangkis dengan menggunakan bukti yang kukuh hasil daripada penyelidikan dijalankan MPOB.

Cabaran lain dihadapi pengilang sawit adalah dari segi aspek kualiti dan keselamatan makanan terhadap minyak sawit mentah.

Kehadiran benda asing yang mampu menjejaskan kualiti minyak sawit mentah dan isirung sawit dihasilkan di kilang sawit adalah antara cabaran harus ditempuh bagi menjaga aspek kawalan mutu minyak sawit dihasilkan.

Perkara ini jika tidak dipandang serius boleh menjejaskan kualiti minyak sawit seterusnya boleh membahayakan kesihatan pengguna.



Kilang memproses sawit digalakkan melaksanakan pensijilan MSPO.

Oleh itu, pada 2007, MPOB memperkenalkan satu piawaian Kod Amalan Baik Pengilangan Sawit (CoPM) untuk menjaga keselamatan makanan dan kualiti minyak sawit dihasilkan.

Pensijilan Piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) diperkenalkan adalah satu skim kemampanan yang memenuhi aspek perundangan dan selari dengan geografi di negara ini.

Pembabitan pengusaha industri sawit di negara ini terutamanya pengilang sawit amatlah wajar kerana setiap prinsip dan keperluan dihasilkan diperincikan mengikut garis panduan yang ada di negara ini.

Menjadi satu kelebihan kepada pengilang sawit yang mempunyai pensijilan MSPO ini kerana secara langsung, mereka diberi pengiktirafan kerana memenuhi setiap kriteria ditetapkan.

Selain itu, kriteria yang digunakan dalam piawaian MSPO berlandaskan kehendak antarabang-

sa seperti pematuhan terhadap keperluan perundangan, perlindungan alam sekitar dan juga penjagaan aspek sosial.

Maka pada akhirnya, pemegang sijil MSPO ini akan berupaya meningkatkan produktiviti mereka dan berjaya menembusi pasaran baru dunia dengan memasarkan produk sawit mampan.

Pengilangan sawit mampan bukan hanya tertumpu kepada aspek keselamatan makanan dan kualiti minyak sawit semata-mata, malah berkait rapat kepada amalan pengilangan sewaktu menghasilkan minyak sawit mentah.

Seperti digariskan dalam keperluan perundangan, aspek keselamatan pekerja mestilah dititikberatkan.

Selain itu, pengilang sawit tidak terlepas dari aspek penjagaan alam sekitar. Sebagai contoh, tahap pelepasan sisa dari kilang sawit seperti asap, tandan kosong dan enap cemar mestilah mengikut syarat ditetapkan Jabatan

Alam Sekitar dan pihak berkuasa terbabit.

Pengilang tidak boleh sewenang-wenangnya mengabaikan syarat ditetapkan demi mengejar keuntungan semata-mata.

Prinsip kemampanan juga menekankan aspek sosial dengan cara memberi layanan sewajarnya kepada pihak berkepentingan serta tidak mengabaikan hak mereka.

Pihak kilang adalah tidak dibenarkan sama sekali menindas dan menekan mereka sewaktu menjalankan operasi kilang sawit. Sebarang rungutan atau aduan diterima mestilah diselesaikan dengan baik tanpa sebarang pertikaian dan perbalahan dari kedua-dua belah pihak.

Program Pensijilan Kilang Sawit

Mengikut data terkini, terdapat lebih 99 buah kilang sawit beroperasi di Malaysia berjaya mendapat pensijilan kemampanan.

Semua kilang ini diperiksa oleh juruaudit bertauliah dari badan pensijilan yang dilantik dan didapati mematuhi kehendak kemampanan.

Di antara skim pensijilan kemampanan yang ada di Malaysia adalah Kod Amalan Baik untuk Pengilangan Sawit MPOB (CoPM), Persidangan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (RSPO), Skim Pensijilan Kemampanan dan Karbon Antarabangsa (ISCC) dan yang terbaru adalah Piawaian Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Piawaian MSPO dibangunkan atas kehendak industri sawit Malaysia bagi memenuhi keperluan dan permintaan daripada luar negara yang sentiasa menitikberatkan aspek kemampanan.

Usaha dan komitmen kerajaan memperkenalkan skim pensijilan MSPO ini adalah untuk memastikan produk sawit Malaysia sentiasa kompetitif dan diterima oleh pasaran dunia.

Piawaian MSPO mempunyai empat bahagian. Bahagian pertama, kedua dan ketiga adalah terpakai untuk sektor pekebun kecil sawit persendirian, pekebun kecil sawit terancang serta perladangan sawit.

Bahagian keempat terpakai untuk sektor pengilangan kelapa sawit. Di bawah sektor pengilangan sawit, terdapat enam prinsip yang perlu dipatuhi iaitu:

- 1) Tanggungjawab dan komitmen dari pihak pengurusan.
- 2) Ketelusan.
- 3) Pematuhan terhadap keperluan perundangan.
- 4) Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan, serta keadaan pekerjaan.
- 5) Persekitaran, sumber semula jadi, kepelbagaian bio dan perkhidmatan ekosistem.
- 6) Amalan Baik.

Sarif: KPSM bantu tingkat pendapatan pekebun kecil

Oleh Nazirah Che Jaafar dan Mutiah Mutazar

Sarif Azib, 56, adalah pekebun kecil sawit di kawasan Temerloh, Pahang dengan keluasan 8.9032 hektar. Dia juga dilantik sebagai Pengerusi Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Daerah Temerloh Berhad.

Pengalaman luas yang dimilikinya memberi kepercayaan kepada pekebun kecil setempat untuk melantik Sarif menerajui KPSM Daerah Temerloh Berhad yang ditubuhkan sejak tahun 2011.

Ternyata, semangat dan kesungguhan beliau dan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dalam men-

jayakan aktiviti koperasi membuah hasil apabila aktiviti jualan kelompok buah tandan segar (BTS) ahli telah bermula pada Mei 2014 dan koperasi memiliki pusat timbangannya sendiri.

Sarif berkata, perbezaan pendapatan yang diperoleh apabila menjual hasil BTS kepada koperasi 10 peratus lebih berbanding sebelum menyertai koperasi.

Ini memberikan peluang peningkatan pendapatan pekebun kecil setempat termasuk dirinya.

Beliau percaya dengan menyertai koperasi dapat memberikan semangat untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Sarif mula menceburi bidang penanaman sawit sejak 25 tahun

lalu dengan keluasan tanah 1.6 hektar sahaja dan diusahakan secara sambilan sewaktu bekerja di sektor awam.

Permulaannya sebagai ingin mencuba di samping mempunyai tanah yang ingin diusahakan supaya berguna pada masa akan datang.

Kesungguhan beliau meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan sawit dapat dilihat melalui pembabitan aktif dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Pusat TUNAS, MPOB dan agensi kerajaan yang lain.

Beliau sentiasa bersifat sabar dan positif serta yakin berbudi kepada tanah akan membuah hasil.

“Sebagai pekebun, saya selalu menanam sifat yakin dalam diri dengan berbudi kepada tanah akan ada hasilnya walaupun mengambil masa,” katanya sambil menyeru agar pekebun kecil bersifat terbuka dalam industri ini.

Di samping sikap keprihatinan



Sarif ketika menerima kunjungan pegawai TUNAS MPOB di plot demonstrasi miliknya.

beliau terhadap pekebun kecil setempat, beliau banyak membabitkan diri dalam aktiviti sosial, di antaranya sebagai Pengerusi Pelawat Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, Pengerusi Panel Penasihat Klinik Kesihatan Da-

erah Temerloh dan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Peladang Kawasan Sri Kerdau.

Selain mengusahakan tanaman sawit, beliau juga seorang pengusaha kilang pasir, kontraktor dan penternak rusa.

Pertandingan fotografi kini kembali

» Acara anjuran MPOC untuk kali keempat terus dapat sambutan jurugambar

Pertandingan Fotografi Sawit Antarabangsa (World Palm Portraits Photography Competition) 2016 kini kembali buat kali keempat.

Pertandingan anjuran Malaysian Palm Oil Council (MPOC) yang bermula pada tahun 2013 itu semakin menarik minat jurugambar dalam dan luar negara.

Bermula dengan 600 penyertaan pada tahun pertama, ia mula dikenali hingga membawa ke-

pada 1,000 gambar pada tahun 2014, dan terbanyak, 5,000 pada 2015.

Pertandingan ini adalah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan kepelbagaian biologi di ladang, kehidupan pekerja, dan pelbagai kegunaan minyak sawit dalam pembuatan makanan dan produk bukan makanan, selain sebagai salah satu cara untuk menunjukkan penghargaan terhadap industri tersebut.

Pertandingan antarabangsa ini turut mendapat perhatian perhatian daripada peserta dari negara serata dunia termasuk Brazil, Amerika Syarikat, Itali, Latvia, serta mempunyai pengaruh kuat di India, Indonesia dan Filipina.

Tahun 2015, menyaksikan dua pemenang dari Filipina dan se-



orang pemenang dari Indonesia.

Lima kategori dipertanding

Bagi tahun 2016, terdapat lima kategori yang dipertandingkan - Black & White (hitam putih), People & Portraits (manusia dan potret), Nature & Wildlife (alam sekitar dan hidupan liar), Food &

Products (makanan dan produk), dan Fine Art & Photo Manipulation (seni halus & manipulasi foto).

Empat kategori pertama adalah berlandaskan apa jua subjek yang berkaitan dengan industri sawit, termasuk kawasan ladang, kilang pemrosesan minyak sawit, para pekerja, hidupan liar yang boleh ditemui di ladang sawit, serta pemandangan landskap yang merangkumi ladang sawit.

Bagi kategori Food & Products, jurugambar boleh memilih untuk menampilkan makanan yang mengandungi sawit.

Penonjolan penggunaan kerap minyak sawit dalam makanan boleh dilakukan melalui gandingan minyak atau biji sawit bersama makanan itu. Imej minyak sawit itu sendiri boleh menjadi subjek menarik.

Minyak sawit sering digunakan dalam pembuatan biskut, kek, mee segera, coklat, dan marjerin, di mana ini boleh menjadi antara subjek utama dalam gambar penyertaan. Bagaimanapun, jurugambar harus bijak menampilkan kaitan antara minyak sawit (sebagai bahan) dan makanan itu.

Selain minyak sawit, pokok sawit turut menghasilkan minyak isirung sawit. Minyak jenis ini lebih banyak digunakan dalam produk bukan makanan seperti produk kecantikan dan penja-

gaan diri (ubat gigi, krim, syampu, dan lain-lain), sabun, dan lilin.

Produk lain berasaskan sawit juga termasuk bahan buangan industri sawit seperti tandan kosong dan batang pokok sawit yang digunakan untuk menghasilkan kertas dan perabot.

Bagi mereka yang ingin mengaitkan buah sawit atau minyak sawit kepada subjek yang ditonjolkan tetapi tidak berpeluang mendapatkan bahan-bahan ini, manipulasi foto dibenarkan untuk dipertandingkan dalam kategori Fine Art & Photo Manipulation.

Tempoh pertandingan World Palm Portraits 2016 adalah daripada 15 Februari – 30 Jun 2016. Keputusan akan dibuat oleh panel hakim yang terdiri daripada Shamshahrin Shamsudin, bekas jurugambar *European Press*; Che' Ahmad Azhar, pensyarah Multimedia University; Kevin WY Lee, pengasas Invisible Photographer Asia (IPA); dan Belvinder Sron, Pengarah Promotions & Branding MPOC.

Pengadilan adalah berdasarkan kepada subjek yang dipilih, komposisi, pencahayaan, keseimbangan warna dan kedalaman, dan terutama sekali, maksud yang dibawa.

Sila layari www.palmoiltv.org untuk maklumat lanjut.



Photo : Yong Lit Tan

Photo : Mohd Fuad






WORLD PALM PORTRAITS PHOTOGRAPHY COMPETITION 2016 KEMBALI LAGI!

World Palm Portraits Photography Competition adalah sebuah pertandingan fotografi antarabangsa anjuran Malaysian Palm Oil Council (MPOC). Kami mengalu-alukan penyertaan dari jurugambar amatir dan profesional.

Pertandingan ini akan berlangsung dari 15 Februari hingga 30 Jun 2016

Layari www.palmoiltv.org hari ini untuk info lanjut.

Tahun ini, lima kategori dipertandingkan :

| | |
|--------------------|-------------------------------|
| PEOPLE & PORTRAITS | BLACK & WHITE |
| NATURE & WILDLIFE | FINE ART & PHOTO MANIPULATION |
| FOOD & PRODUCTS | |



Photo : Suhadah Hanafiah



40 gambar terbaik World Palm Potraits 2015 oleh Ramlan Abd Jalil dari Malaysia.



40 gambar terbaik World Palm Potraits 2015 oleh Amir Othman dari Malaysia.

Juga sertai kami di media sosial

Program turun padang anjuran MPIC dan MPOB tingkat pengetahuan berkaitan sawit

Program turun padang merupakan salah satu prakarsa utama kerajaan dalam mendekati masyarakat. Baru-baru ini, Ketua Pengarah MPOB ada menguar-uarkan pesanan bahawa, kakitangan MPOB mestilah selalu turun padang dalam apa jua keadaan bagi bersua muka dengan masyarakat khususnya masyarakat yang berada dalam sektor komoditi sawit. Perkara ini disokong oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas. Beliau berkata, kesediaan agensi di bawah MPIC mengimarahkan program turun padang dengan lebih kerap ke luar Bandar adalah sejajar dengan transformasi 'Merakyatkan Pentadbiran Awam' yang dilancarkan kerajaan. Oleh itu, sama ada sedar atau sebaliknya, tahukah kita program turun padang anjuran MPIC dan MPOB sebenarnya dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat berkaitan sawit.

Satu daripada program turun padang MPIC dan MPOB adalah Hello Komoditi yang diadakan seluruh negara. Menerusi program ini, rakyat diberi pendedahan jelas berkaitan bantuan yang disediakan untuk tanaman komoditi, khasnya tanaman sawit. Program berkenaan turut memberi peluang masyarakat umum bertanya perihalan peluang dan bantuan yang disediakan kerajaan. Malah, berbekalkan segala pengalaman seluruh agensi di bawah MPIC, masyarakat memperoleh pengetahuan yang jelas berkaitan komitmen bersepadu ke-



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Adawiyah Fauzi
(No. K/P: 020615-11-0504)
SMK Padang Pulut,
Dungun, Terengganu

rajaan yang telah mewujudkan pelbagai jenis bantuan semata-mata membantu menambah baik sosio-ekonomi masyarakat menerusi tanaman komoditi. Lantaran perkara ini sudah pasti membolehkan perkhidmatan kerajaan dapat dinikmati terus oleh masyarakat. Dengan kata lain, program sebegini bukan sahaja membolehkan segala input disampaikan terus kepada masyarakat, bahkan sebagai salah satu platform kerajaan menayakan aspirasi bagi membasmi kemiskinan secara menyeluruh dalam negara ini. Sesungguhnya hasrat murni ini hendaklah disokong semua pihak agar ia menjadi satu kenyataan yang hakiki kemudian hari.

Selain itu, program turun padang juga dapat memastikan masyarakat faham peranan MPOB dan MPIC di samping memberi maklumat tepat berkaitan

kemajuan yang dicapai sektor komoditi. Hal ini secara langsung menjana kesedaran terutama pekebun kecil dan usahawan mengenai peluang perniagaan yang boleh diceburi dalam industri komoditi. Program seperti ini akan menjadi salah satu wadah bagi menarik minat masyarakat khasnya golongan belia menceburi kerjaya dan keusahawanan berasaskan komoditi. Ironinya, penglibatan belia sebenarnya akan dapat memperkasa taraf hidup serta ekonomi masyarakat luar bandar. Perkara ini tidak mustahil kerana kerajaan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Antara contoh bantuan adalah bantuan tanaman komoditi, program latihan keusahawanan serta peluang pekerjaan dalam sektor perladangan dan komoditi. Rentetan itu, angka serampang dua mata MPIC dan MPOB bukan sahaja memberi pengetahuan tetapi turut memupuk minat belia menceburi sektor komoditi. Usaha ini harus mendapat pujian kerana berjaya membuka minda masyarakat kontemporari sementelahan menyangkal pandangan negatif sesetengah pihak.

Kesimpulannya, program turun padang anjuran MPIC dan MPOB dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan sawit khususnya di kalangan masyarakat umum. Masyarakat mestilah sama-sama memanfaatkan peluang yang ada dan memberi sokongan bagi menggarap pengetahuan berkaitan sawit dalam diri masing-masing.

Minyak sawit mampan, masa depan industri lebih terjamin

Dalam konteks memperkasa industri sawit negara ke arah lebih kompetitif dan berdaya saing tahun 2010 merupakan titik tolak bersejarah bagi Malaysia kerana bermulanya Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dijangka merubah landskap industri sawit secara khusus dan umumnya akan mentransformasi Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Memperkasa mengenai kemampuan minyak sawit global, focus utama perbincangan adalah alam permintaan negara-negara Kesatuan Eropah (EU) dan peranan kolektif yang diambil pemain industri sawit terutama Malaysia selaku pengeluar utama komoditi sawit dalam menyelaraskan isu ini. 'Minyak sawit mampan, masa depan industri lebih terjamin' seharusnya menjadi dimensi, kayu pengukur dan penanda aras baharu bagi industri sawit dalam memastikannya terus relevan pada masa depan. Isu permintaan minyak sawit mampan dalam kalangan negara anggota EU tidak seharusnya dilihat sebagai suatu ancaman, sebaliknya negara pengeksport dan pemain industri ini harus melihat ia secara positif dalam mewujudkan situasi menang-menang.

Menyedari kepentingan pasaran alam kalangan negara EU, mahu atau tidak Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) perlu mewujudkan inisiatif bersifat holistik dan penting bagi memastikan kempen



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Mohd Nazre Md Najib
(No. K/P: 940228-01-6165)
Labis, Johor

minyak sawit negara bagi memenuhi kriteria eksport khususnya bagi pasaran EU. Inisiatif yang diambil mampu memperkasa industri sawit khususnya dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti minyak sawit yang dikeluarkan. Pembangunan teknologi dan inovasi ke arah Amalan Pertanian Baik (GAP) dan kelestarian alam sekitar pada masa depan.

Faktor yang dilihat mendorong kebanyakan permintaan minyak sawit mampan ini adalah daripada implikasi kempen anti minyak sawit dan tindakan segelintir syarikat utama yang melabur sejumlah besar dalam projek jenama mereka. EU adalah salah satu destinasi pasaran minyak sawit mampan yang kriterianya sudah dipersetujui oleh badan bukan kerajaan (NGO). Negara EU mewujudkan tiga inisiatif polisi perhutanan yang wujud dalam kalangan negara anggota ke arah penggunaan mi-

nyak sawit mampan. Inisiatif berkenaan berkaitan perolehan serta penguatkuasaan undang-undang hutan, program perdagangan dan tadbir EU terutama berkaitan 'kesahihan' produk yang dieksport ke EU.

Secara umumnya, semula dasar ini menunjukkan EU sedang mengambil tindakan yang serius mengenai kawalan perdagangan membabitkan alam sekitar. Pemain industri sawit global seperti Malaysia dan Indonesia memandang perkara ini di tahap yang sangat membimbangkan Dalam meredakan 'tekanan' bagi menangani isu ini, langkah bijak dan pro aktif diambil oleh negara pengeluar seperti mewujudkan piawaian kemampuan yang disokong oleh kerajaan masing-masing untuk pengeluaran minyak sawit.

Kesimpulannya, fokus perbincangan 'minyak sawit mampan, masa depan lebih terjamin' mendasari dan membawa dimensi baharu kepada Malaysia selaku pemain terpenting dalam industri sawit global. Mewujudkan scenario an sentiment positif pasaran terhadap industri sawit melalui pelbagai penggunaan minyak sawit seperti program biodiesel yang berupaya memastikan harga minyak sawit terus stabil. Tahap integrasi melalui kesepaduan peranan pihak kerajaan, agensi swasta, NGO, syarikat perladangan perlu diperkasakan diperhebat dalam usaha mengeluarkan minyak sawit mampan yang akhirnya akan memberi pulangan pendapatan yang tinggi kepada negara.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MAC 2016

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Bantuan kerajaan kepada pekebun kecil jana peningkatan pendapatan. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Industri sawit perlu mencari peluang baharu bagi mempertingkatkan prestasi. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan April 2016 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Februari 2016

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Adawiyah Fauzi
(No. K/P: 020615-11-0504)
SMK Padang Pulut,
Dungun, Terengganu

Hadiah Kedua
Sarah Adilah Salleh
(No. K/P: 990618-14-5160)
SMK Rawang,
Rawang, Selangor

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Mohd Nazre Md Najib
(No. K/P: 940228-01-6165)
Labis, Johor

Hadiah Kedua
Mohammad Suffian Fauzi
(No. K/P: 921223-11-5247)
Dungun, Terengganu

Hadiah Ketiga
Boniface Sup
(No. K/P: 910905-13-6491)
Miri, Sarawak

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Mac 2016
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi **mendengar penerangan** daripada Pengarah Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat MPOB, Dr. Burhanuddin Abd Salam ketika melawat pameran MPOB yang diadakan sempena Sambutan Jubli Intan SMK Khir Johari di Bagan Datoh, Perak.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu Anak Numpang dan Datuk Amar Douglas Uggah Embas bersama pekebun kecil dan masyarakat setempat yang menghadiri Program Hello Komoditi di Long Lama, Baram, Sarawak. Turut hadir Pengerusi MPOB, Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Amamalai.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad bersama bersama Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuan May ketika menghadiri Seminar Guna Tenaga Sektor Perladangan Sawit di Bangi. Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (R&D) Dr. Ahmad Kushairi Din dan Setiausaha Bahagian MPIC, Mohd Mahil Ahmad.



Duta Perancis di Malaysia, Christophe Penot dan Datuk Amar Douglas Uggah Embas bertukar cenderamata ketika kunjungan hormat duta berkenaan ke MPIC, Putrajaya. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr Sundaran Annamalai (tiga dari kanan) dan Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, Datuk M. Nagarajan (dua dari kanan).